

D529

B B107 DEB ENX
MAHATHIR - EKONOMI RRR

KUALA LUMPUR, 24 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGGALAKKAN LAGI PEMBERIAN BANTUAN SECARA TERUS KEPADA PENGUSAHA BUMIPUTERA SEBAGAI USAHA MENINGKATKAN DAYA USAHA MEREKA SENDIRI.

PERDANA MENTERI MENAMBAH, LANGKAH ITU SELARAS DENGAN RANCANGAN KERAJAAN MEMBERI PERANAN LEBIH PENTING KEPADA SEKTOR SWASTA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA TANPA MENJEJASKAN KEPENTINGAN GOLONGAN BUMIPUTERA.

SEMASA MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN DASAR EKONOMI BARU SELEPAS 1990, DI SINI, HARI INI, BELIAU BERKATA PEMBERIAN BANTUAN SECARA TIDAK LANGSUNG ITU BERTUJUAN MENINGKATKAN DAYA USAHA INDIVIDU DI KALANGAN PENGUSAHA BUMIPUTERA SENDIRI.

BELIAU BERKATA, PENEKANAN PERANAN LEBIH BESAR DI KALANGAN SEKTOR SWASTA DAPAT DIBUAT SEKARANG KERANA PENYERTAAN PENGUSAHA BUMIPUTERA DALAM SEKTOR ITU MELALUI USAHA-USAHA AGENSI AMANAH DAN PERUSAHAAN AWAM MENGGALAKKAN.

+APABILA KERAJAAN MEMBERI PERANA YANG LEBIH KEPADA SWASTA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA INI, BUMIPUTERA TIDAK SEHARUSNYA KETINGGALAN SEPERTI ZAMAN SEBELUM MERDEKA,+ KATANYA. -- LAGI.

1430MST 24 03 87

MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR RRR

BAGAIMANAPUN, PROSES PENINGKATAN PERANAN SWASTA DALAM MEMBANGUNKAN NEGARA MESTILAH DILAKUKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT DAN KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN BUMIPUTERA MEMPUNYAI PELUANG SECUKUPNYA UNTUK MENYERTAI KEGIATAN PERSIAGAAN DAN PERUSAHAAN SWASTA, TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA AGENSI AMANAH DAN PERUSAHAAN AWAM KERAJAAN MENYESUAIKAN DIRI SUPAYA DAPAT MENYEDIKAN PROJEK YANG LEBIH MEMENTINGKAN DAYA USAHA INDIVIDU DARIPADA MEMBERI BANTUAN TERUS KEPADA PENGUSAHA BUMIPUTERA.

+SALAH SATU LANGKAH MEWUJUDKAN DAYA USAHA INDIVIDU ITU IALAH DENGAN MENSWASTAKAN PERBADANAN-PERBADANAN DAN PERKHIDMATAN TERTENTU YANG MEMPUNYAI POTENSI UNTUK DISERTAI ATAU DIAMBILALIH OLEH PENGUSAHA BUMIPUTERA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN MEMBERI JAMINAN YANG PROSES PENSWASTAAN ITU TIDAK AKAN DIJALANKAN SECARA TERGESA-GESA TANPA MENGAMBILKIRA KESEDIAAN BUMIPUTERA UNTUK MENGAMBILALIH PERUSAHAAN DAN PERKHIDMATAN BERKENAAN.

BELIAU MENAMBAH, PENGALAMAN BUMIPUTERA DALAM BADAN-BADAN AWAM SAHAJA TIDAK MEMCUKUPI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BERSAING APABILA MENGAMBILALIH BADAN AWAM YANG DISWASTAKAN KELAK KERANA BADA-BADAN AWAM ITU MENDAPAT PERLINDUNGAN ISTIMEWA DARIPADA KERAJAAN. -- LAGI.
1436MST 24 03 87

MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, UNTUK MENENTUKAN KEMAMPUAN PENGURUSAN BUMIPUTERA SETELAH DISWASTAKAN, BADAN-BADAN AWAM HENDAKLAH MENGURANGKAN PERGANTUNGAN MEREKA KEPADA KERAJAAN UNTUK PERLINDUNGAN, KONTRAK DAN SEBAGAINYA.

BELIAU BERKATA PADA MASA INI JUGA, HAK MILIK DAN PENGUSAAN BUMIPUTERA JELAS TERDAPAT DALAM SEKTOR KEWANGAN DAN BANK, SEKTOR PERLADANGAN DAN SEKTOR PERLOMBONGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA PADA MASA YANG SAMA KAUM BUKAN BUMIPUTERA JUGA BERGERAK DAN PENYERTAAN MEREKA TELAH MENINGKAT KEPADA KIRA-KIRA 56.7 PERATUS PADA AWAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA..

BAGAIMANAPUN, PERUBAHAN ZAMAN DAN DESAKAN EKONOMI ANTARABANGSA MEMERLUKAN PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA, SAMA ADA SEBAGAI INDIVIDU, SYARIKAT ATAU AGENSI YANG DITUBUHKAN UNTUK MEMBANTU BUMIPUTERA TIDAK LAGI BERSIKAP MENGHARAPKAN BANTUAN KERAJAAN.

+SEKIRANYA TERDAPAT SEBILANGAN PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG TIDAK SANGCUP BERDIKARI, MAKA AGAK SUKARLAH BAGI PIHAK KERAJAAN MEMBANTU MEREKA TETAPI KERAJAAN SEDAR BAHAWA KITA SEDANG MENGHADAPI MASALAH EKONOMI MELESET YANG BEGITU MENEKAN PENIAGA DAN PENGUSAHA BUMIPUTERA,+ KATA BELIAU. -- LAGI.

1438MST 24 03 87

D533

B B111 DEB

MAHATHIR - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR RRR

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERI PERTOLONGAN YANG TERMAMPU DAN APABILA EKEONOMI PULIH KELAK, BANTUAN DAN PERTOLONGAN KERAJAAN TIDAK DIPERLUKAN LAGI.

PERDANA MENTERI JUGA MENINGATKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENUTUP MANA-MANA AGENSI AWAM YANG DIDAPATI GAGAL MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SEPERTI YANG DIHARAPKAN.

AGENS-AGENS AMANAH DAN PERUSAHAAN AWAM PULA JANGANLAH Mencari BIDANG PERSAINGAN YANG BOLEH MEROSAKKAN PELUANG PENIAGA-PENIAGA DAN USAHAWAN BUMIPUTERA, KHUSUSNYA USAHAWAM KECIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA PERUSAHAAN AWAM BERGANDING BAHU DENGAN AGENSI-AGENS LAIN MEMAJUKAN LAGI SEKTOR LUAR BANDAR. -- BERNAMA.

1439MST 24 03 87